# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) ASRAMA PEKERJA WARGA ASING & KAWASAN KILANG WAH CENS PLASTIC INDUSTRIES & RAINBOW METAL SDN.BHD, BULOH KASAP, SEGAMAT, JOHOR

Dikemaskini pada 2 Julai 2021

| Waktu Berkuat Kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan rawatan kesihatan
- Mendapatkan bekalan makanan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/ masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | Asrama Pekerja Warga Asing & Kawasan Kilang Wah Cens Plastic Industries & Rainbow Metal Sdn.Bhd, Buloh Kasap, Segamat, Johor |
| Tempoh Kuat Kuasa | **03 Julai 2021 (12.01 am) hingga 16 Julai 2021 (11.59 pm)** |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.<br>• Semua Staf Kilang/ Penghuni Asrama di dalam kawasan PKPD tidak dibenarkan keluar dari asrama/ tempat tinggal masing-masing.<br>• Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu seperti pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan oleh PDRM dan KKM.<br>• Pergerakan dalam/ keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan, kesihatan dan kematian perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM dan KKM berdasarkan *case to case basis.* |
| Saluran Makanan dan Keperluan | • Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas akan diselaraskan oleh pihak Kilang Wah Cens Plastic Industries & Rainbow Metal Sdn. Bhd. dan diagihkan oleh **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Segamat.**<br>• Sumbangan keperluan makanan dan barangan keperluan dari NGO dan lain- lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Segamat. |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Semua aktiviti sosial, keagamaan, sukan dan rekreasi adalah **tidak dibenarkan.**<br>• Saringan secara bersasar kepada penghuni asrama dan staf kilang di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |